

200 sukarelawan bersihkan tumpahan minyak

PONTIAN – Kira-kira 200 sukarelawan terlibat dalam kerja gotong-royong membersihkan tumpahan minyak yang berlaku pada Selasa minggu lalu di pesisiran pantai di Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP) di sini semalam.

Mereka merupakan pasukan khas yang ditubuhkan oleh Pejabat Daerah Pontian bagi membersihkan tumpahan minyak yang memasuki TNJTP sehingga merosakkan ekosistem dan habitatnya.

Pegawai Daerah Pontian, Muji Salimon berkata, selain pihaknya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pihak polis dan pasukan Bomba dan Penyelamat daerah tersebut turut serta dalam kerja-kerja pembersihan.

Katanya, turut sama melancarkan kerja-kerja tersebut ialah Jabatan Pertahanan Awam

Malaysia (JPAM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Kesihatan Pontian, Persatuan Nelayan, penduduk Kampung Air Masin dan pihak TNJTP.

Mengulas lanjut, Muji berkata, pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) mengenai punca kejadian tersebut yang telah menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk khususnya nelayan di kawasan terbabit.

“Kita difahamkan pendapatan kira-kira 300 nelayan terjejas terul kerana tidak dapat turun ke laut.

“Taman Negara Tanjung Piai pula terpaksa ditutup kepada pengunjung,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, pelbagai spesies hidupan laut dan sebahagian pokok pa-



KERATAN Kosmo! 28 Jun 2012.

ya bakau di taman negara itu terjejas berikutan tumpahan minyak di sepanjang pantai Tanjung Piai Selasa lalu.

Difahamkan kejadian pada pukul 2 petang tersebut berpunca daripada kegiatan pemindahan minyak dari kapal ke kapal di perairan Tanjung Piai.

“Kami berharap satu pelan tindakan dapat dirangka bagi menghalang berlakunya kejadian seumpama ini pada masa depan yang jelas telah menyusahkan banyak pihak,” ujarnya.



SUKARELAWAN membersihkan tompokan minyak di Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian semalam.